

1983

KUALA LUMPUR, 19 MAC. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MELANCARKAN KEMPEN KEPIMPINAN MELALUI Tauladan dengan MENGETUAI LEBIH 300,000 KAKITANGAN KERAJAAN DI SELURUH NEGARA MELAFAZKAN IKRAR UNTUK MENUNJUKKAN Tauladan BAIK DENGAN MENGAMALKAN PERILAKU MULIA KEPIMPINAN.

DALAM SATU UPACARA BESSAR-BESARAN DI STADIUM TUN ABDUL RAZAK DI SINI PERDANA MENTERI DENGAN SUARA LANTANG BERIKRAR BERSAMA-SAMA 10,000 KAKITANGAN KERAJAAN YANG HADIR UNTUK MENDUKUNG KONSEP BERSIH, CEKAP DAN AMANAH DENGAN MENINGGIKAN HASIL KERJA UNTUK MENJAMIN NEGARA LEBIH KUKUH DAN MAJU JAYA SERTA MASYARAKAT LEBIH BAHAGIA, BERSATU-PADU DAN BERJAYA.

IKRAR YANG SAMA TURUT DILAFAZKAN OLEH SEMUA KAKITANGAN KERAJAAN DALAM SAMBUTAN YANG DIADAKAN DI PEJABAT MASING-MASING SAMAADA DI PERINGKAT PERSEKUTUAN, NEGERI DAN WILAYAH.

TERAS PERKHIDMATAN YANG DITUJU DI BAWAH KONSEP ITU IALAH:-

- + BERAZAM MENINGGIKAN MUTU PERKHIDMATAN,
- + BERUSAHA MENGIKIS SIKAP MEMENTINGKAN DIRI,
- + BERKHIDMAT DENGAN PENUH MUHIBBAH DAN KEMESRAAN,
- + BEKERJA KE ARAH MEMAJUKAN PEMIKIRAN RAKYAT DAN PEMBANGUNAN NEGARA,
- + BEKERJSAMA DALAM MEMBENTERAS KELEMAHAN DAN MUSUH-MUSUH: DAN
- + BERPEGANG PEGUH KEPADA AJARAN AGAMA.

--LAGI 1110/AN

MAHATHIR-TAULADAN 2 KUALA LUMPUR

DALAM MENGAMALKAN KONSEP ITU, BELIAU MAHUKAN SEMUA KAKITANGAN KERAJAAN MENGGANGAP DIRI MEREKA SEBAGAI PEMIMPIN DAN MENUNJUKKAN Tauladan yang mengutamakan KEBERSIHAN MORAL DAN KEBERSIHAN FIZIKAL.

KEBERSIHAN MORAL BERMakNA SENTIASA BERFIKIRAN BERSIH DAN MENJALANKAN TUGAS SEPERTI YANG TELAH DIJANJIKAN, TANPA MUSLIHAT ATAU NIAT YANG TIDAK BAIK.

BELIAU MENGGARISKAN EMPAT SIKAP YANG HARUS DIJAUHKAN IAITU:-

- + JANGAN MELEWATKAN KERJA KERANA INGIN MENDAPAT SOGOKAN,
- + JANGAN MENGAMBIL APA YANG BUKAN HAK KEPADA KITA,
- + JANGAN TERLIBAT DENGAN SEBARANG JENAYAH DAN RASUAH: DAN
- + JANGAN MENYALAHGUNAKAN KUASA DAN BERSIKAP SOMBONG DAN ANGKUH.

PERDANA MENTERI MENASIHATKAN KAKITANGAN KERAJAAN KHUSUSNYA SUPAYA JANGAN MENGGANGAP BAHAWA KHIDMAT YANG DIBERIKAN ADALAH BARANG JUALAN UNTUK SEKIAN BANYAK UPAH SAHAJA.

BELIAU KEMUDIAN MENANYAKAN APAKAH BERKHIDMAT KEPADA DIRI SENDIRI MEMERLUKAN BAYARAN OLEH ORANG LAIN.

+BAGI YANG INSAF PULA, APAKAH KHIDMAT KEPADA ORANG LAIN TIDAK MERUPAKAN SATU TANDA PERADABAN YANG BAIK ATAU TIDAKKAH KHIDMAT UNTUK MASYARAKAT MERUPAKAN SATU IBADAT?+.

--LAGI 1305/AN

TAULADAN 2 KUALA LUMPUR

UPACARA SAMBUTAN ITU MENCATAT SEJARAH NEGARA INI KERANA INILAH JULUNG KALI SEORANG PERDANA MENTERI MENGETUAI LAFAZ IKRAR DAN TURUT SERTA MELIBATKAN DIRINYA DENGAN MEMBERIKAN BERBAGAI IDEA UNTUK MENJAYAKAN KEMPEN SELAMA SEBULAN ITU.

SELARAS DENGAN MATLAMAT KONSEP ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA TURUT SERTA MENYANYIKAN LAGI THEMA DI AWAL DAN AKHIR UPACARA SERTA LAGU NEGARA KU.

SAMBUTAN YANG DISIARKAN SECARA LANGSUNG OLEH RADIO DAN TELEVISYEN MALAYSIA ITU BERMULA DENGAN BACAAN DOA DAN NYANYIAN LAGU TEMA OLEH SEMUA KAKITANGAN DAN PEGAWAI KERAJAAN DIIRINGI PASUKAN PANCARAGAM POLIS DIRAJA MALAYSIA.

MENGETUAI NYANYIAN ITU IALAH PASUKAN KOIR KHAS TERDIRI DARIPADA SERAMAI 450 ORANG ANGGOTA TERMASUK KAKITANGAN PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK, PASUKAN TENTERA, POLIS DAN GURU-GURU PELATIH MAKTAB PERGURUAN ILMU KHAS, JALAN CERAS YANG BERBARIS DI DEPAN PADANG ASTROTURF ITU.

SEBAIK SAHAJA UPACARA PELANCARAN DILAKUKAN OLEH PERDANA MENTERI, LOGO KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN DIPERKENALKAN DENGAN IRINGAN PUKULAN REBANA UBI.

--LAGI 1137/AN

TAULADAN 3 KUALA LUMPUR

LOGO ITU DICIPTA OLEH KAJIAN SENILUKIS DAN SENI REKA INSITUT TEKNOLOGI MARA (ITM) SYAH ALAM DAN DIUBAHSUAIKAN OLEH PERDANA MENTERI SEBELUM DILULUSKAN.

IA MENGGAMBARAKAN LEMBAGA SEORANG MANUSIA BERADA DI HADAPAN DENGAN INDIVIDU-INDIVIDU LAIN DI BELAKANGNYA DI BAWAH SATU BUMBUNG -MELAMBANGKAN SEORANG PEMIMPING RAKYAT YANG DIHORMATI DAN DISOKONG OLEH SEMUA PIHAK DALAM MENJALANKAN TUGAS KE ARAH KEBAIKAN BERSAMA.

TIGA GARISAN DI MANA PEMIMPIN ITU BERDIRI PULA MELAMBANGKAN TIGA KONSEP YANG PENTING BERHUBUNG DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH YANG PERLU DIPRAKTIKKAN DALAM MENJALANKAN TUGAS YANG DIPERTANGGUNG -JAWABKAN KEPADA SETIAP YANG TERLIBAT.

SELEPAS ITU, LAFAZ IKRAR BERKUMANDANG DI UDARA DAN DIIKUTI DENGAN NYANYIAN LAGU TEMA DAN NEGARA KU - MENANDAKAN UPACARA YANG SINGKAT TETAPI PENUH MAKNA ITU TELAH SELESAI.

SAMBUTAN HARI INI JUGA MEMBUKTIKAN KERAJAAN BENAR-BENAR INGIN MENGAMALKAN KONSEP KEPIMPINAN MELALUI Tauladan kerana semua menteri kabinet yang hadir duduk bersama-sama dengan ketua setiausaha dan ketua jabatan masing-masing.

KAKITANGAN KERAJAAN YANG DUDUK DI SEKELILING STADIUM ITU YANG BERPAKAIAN KEMAS DAN MEMPUYAI UNSUR KEBERAGAMAN ITU JUGA TELAH MENUNJUKKAN KEAZAMAN UNTUK MENJAYAKAN KONSEP ITU DENGAN MENGHAYATI SERTA MEMBERIKAN TEPUKAN GEMURUH KEPADA UCAPAN PERDANA MENTERI APABILA BELIAU MENGHURAIKAN SIFAT KEPIMPINAN DALAM UCAPANNYA SELAMA SETENGAH JAM ITU.

--LAGI 1201/AN

TAULADAN 4 KUALA LUMPUR

DI KUANTAN, SERAMAI 4,000 ORANG PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN SERTA AGENSI KERAJAAN PERSEKUTUAN DAN NEGERI TERMASUK PASUKAN TENTERA DAN POLIS MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PELANCARAN KEMPEN KEPIMPINAN MELALUI Tauladan PERINGKAT NEGERI PAHANG DI STADIUM DARUL MAKMUR DI SINI.

MENTERI BESAR, DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK TELAH MENGETUAI UPACARA MELAFAZ IKRAR DIIKUTI OLEH SEMUA PARA HADIRIN TERMASUK ANGGOTA-ANGGOTA EXCO DAN KETUA-KETUA JABATAN.

SEBELUM ITU PESERTA YANG MENYERTAI PERHIMPUNAN TERSEBUT TELAH MENYAKSIKAN PELANCARAN PERINGKAT KEBANGSAAN OLEH PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENERUSI PETI-PETI TELEVISYEN YANG DILETAKKAN DI BEBERAPA SUDUT STADIUM TERSEBUT.

PERHIMPUNAN KEMUDIAN MENDENGAR LAGU TEMA KEMPEN TERSEBUT YANG DIPERSEMBAHKAN OLEH 80 ORANG KAKITANGAN KERAJAAN DENGAN IRINGAN KUMPULAN PANCARAGAM KELAB SUKAN MAJLIS PERBANDARAN KUANTAN, KESUMBA.

UPACARA PERHIMPUNAN ITU DIAKHIRI DENGAN NYANYIAN NEGARA-KU OLEH SEMUA PESERTA. -- LAGI 1200/AZ

ZCZC 8522:

TAULADAN 5 KUALA LUMPUR

DI KOTA KINABALU, KETUA MENTERI DATUK HARRIS SALLEH MENGETUAI KIRA-KIRA 10,000 ORANG MAKITANGAN AWAM MEMBACA IKRAR SEMPENA PELANCARAN KEMPEN +KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN+ PERINGKAT NEGERI DI PADANG PERBANDARAN DI SINI.

SEBELUM ITU MEREKA MENGIKUTI SIARAN AMANAT PERASMIAN PERINGKAT KEBANGSAAN OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD.

DATUK HARRIS TELAH JUGA MENYAMPAIKAN UCAPANNYA KEPADA PERHIMPUNAN TERSEBUT YANG TURUT DISAKSIKAN OLEH KONSUL-KONSUL LUAR NEGERI DI SABAH SERTA PIHAK SWASTA DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT.

UCAPAN KETUA MENTERI ITU JUGA DIBACAKAN DI DAERAH-DAERAH SELURUH NEGERI YANG TURUT MELANCARKAN KEMPEN MASING-MASING PAGI INI. AMANAT PERDANA MENTERI JUGA DIPANCARKAN TERUS KE PERHIMPINAN PERINGKAT-PERINGKAT DAERAH ITU.

LAGU TEMA KEMPEN TELAH DINYANYIKAN OLEH PASUKAN KOIR 200 ORANG YANG MEWAKILI SEMUA CABANG PERKHIDMATAN AWAM, TENTERA DAN POLIS DENGAN IRINGAN MUZIK PANCARAGAM POLIS DIRAJA MALAYSIA KOMPONEN SABAH. -- LAGI 1203/AZ

ZCZC 8523:

TAULADAN 6 KUALA LUMPUR

SEMPENA PELANCARAN PERINGKAT NEGERI ITU, DIADAKAN PERTANDINGAN SLOGAN TERBAIK YANG DISERTAI OLEH SEMUA JABATAN KERAJAAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN, TENTERA, POLIS DAN BADAN-BADAN BERKANUN.

PAGI KAKITANGAN AWAM YANG MENGHADIRI PERHIMPUNAN PERINGKAT NEGERI ITU, KERETAPI NEGERI SABAH TELAH MENGADAKAN PERKHIDMATAN PERCUMA DARI TANJUNG ARU BAGI KEMUDAHAN MEREKA YANG BERTUGAS DI BANGUNAN PERSEKUTUAN, BANGUNAN JKR, BANGUNAN BERJAYA DAN SEKRETARIAT.

SEMENTARA ITU DI BEAUFORT, KIRA-KIRA 1,000 ORANG PEGAWAI DAN KAKITANGAN AWAM DI DAERAH ITU DIKETUAI OLEH PEMBANTU MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR NEGERI, ENCIK JOHARI DATUK HAJI MOHD. DUN MEMBACA IKRAR KEMPEN TERSEBUT.

PERHIMPUNAN TERSEBUT DIADAKAN DI DEWAN MASYARAKAT BEAUFORT. MAJLIS DISERIKAN DENGAN NYANYIAN +KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN+ OLEH KOIR JABATAN PELAJARAN DAERAH BERKENAAN.

-- LAGI 1206/AZ

TAULADAN 7 KUALA LUMPUR

DI ALUR SETAR, KEMPEN PERINGKAT NEGERI KEDAH DILANCARKAN OLEH MENTERI BESAR, DATUK SERI SYED NAHAR SHAHABUDDIN DI DEWAN SYED OMAR DI SINI.

HAMPIR 1,000 ORANG KAKITANGAN KERAJAAN, TERMASUK ANGGOTA EXCO DAN KETUA-KETUA JABATAN, KEMUDIAN MENYERTAI MENTERI BESAR MELAFAZKAN IKRAR.

DALAM UCAPANNYA, DATUK SERI SYED NAHAR MENYEBUT BEBERAPA CIRI YANG BAIK UNTUK DIJADIKAN Tauladan dalam pendekatan dengan rakyat.

INI TERMASUK SIFAT-SIFAT DISIPLIN DIRI, BERSOPAN SANTUN, DAN KESUSILAAN YANG TINGGI DALAM URUSAN DENGAN ORANGRAMAI SERTA JUGA MEMPUNYAI DAYA USAHA DAN DAYA CIPTA YANG DAPAT MEMBERI FAEDAH KEPADA RAKYAT DAN JUGA SIKAP +KETITAHAN+ KEPADA AGENSI DI MANA MEREKA ITU BERKHIDMAT.

+ SIFAT-SIFAT TERPUJI INI, YANG MENJADI AJARAN AGAMA ISLAM, AKAN MEMBOLEHKAN SETIAP KAKITANGAN KERAJAAN, TERMASUK YANG BUKAN ISLAM, MELAKSANAKAN TUGAS DENGAN PENUH AMANAH DAN JUJUR, + KATANYA.

BELIAU YAKIN BESEORANG KAKITANGAN KERAJAAN AKAN LEBIH DIHORMATI DAN DISEGANI OLEH SEMUA PIHAK APABILA KONSEP BERSIH, CEKAP DAN AMANAH DITERAPKAN DAN DIAMALKAN SEPENUHNYA.

-- KAGI 1210/AZ

ZCZC B525

TAULADAN 8 KUALA LUMPUR

DI JOHOR BAHRU, MENTERI BESAR JOHOR DATUK ABDUL AJIB AHMAD MENGARAHKAN SUPAYA +INTERAKSI+ ANTARA PEMIMPIN POLITIK DENGAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DI NEGERI INI DIPERLUASKAN.

PENTADBIRAN NEGERI AKAN MENDAPAT MANFAAT LEBIH BESAR JIKA KEDUA-DUA PIHAK DAPAT BERTEMU HATI KE HATI, LUAS PANDANGAN SERTA BIDANG

PERBAHASAN SESAMA MEREKA.

KATA DATUK AJIB PEMIMPIN POLITIK DAN PEGAWAI KERAJAAN BANYAK MENGHADAPI MASALAH YANG SAMA YANG BOLEH DIKENALPASTI DAN DIATASI SATU PERSATU SEKIRANYA ADA INTERAKSI YANG BERKESAN ANTARA KEDUA-DUA PIHAK.

DATUK AJIB BERUCAP DAN MENGETUAI BACAAN IKRAR DI PERHIMPUNAN PERINGKAT NEGERI PELANCARAN KEMPEN KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN DI PADANG ISTANA BESAR DI SINI.

KEMPEN ITU JUGA DILANCARKAN SERENTAK DI SEMUA DAERAH.

-- LAGI 1213/AZ

ZCZC B526

TAULADAN 9 KUALA LUMPUR

UNTUK MEMPASTIKAN KEMPEN ITU DIAMALKAN DAN DIFAHAMI OLEH SEMUA PIHAK DATUK AJIB MENGARAHKAN SUPAYA:-

+PENTADBIRAN NEGERI MENYUSUN PROGRAM-PROGRAM KEMPEN KEPIMPINAN SEPANJANG TAHUN;

+ARAHAN-ARAHAN BEKERJA DI SERAGAMKAN.

+KERJASAMA ANTARA PEGAWAI-PEGAWAI PENTADBIRAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN DIPERGIATKAN.

PEGAWAI-PEGAWAI YANG BERKARISMA AKAN DIDEDAHKAN SUPAYA MENJADI TAULADAN KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI SERTA PEMIMPIN-PEMIMPIN BAWAHAN DALAM KERAJAAN, KATA DATUK AJIB.

KEARAH INI, FORUM, SEMINAR DAN SOAL-SOAL JAWAB DI KALANGAN PEGAWAI-PEGAWAI TERSEBUT DENGAN LAIN-LAIN PEGAWAI DI SEMUA PERINGKAT DALAM JABATAN-JABATAN KERAJAAN AKAN DIADAKAN, KATANYA.

-- LAGI 1216/AZ

TAULADAN 10 KUALA LUMPUR

DI SEREMBAN, ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN DI NEGERI SEMBILAN DIINGATKAN BAHAWA TINDAKAN DISIPLIN JABATAN AKAN DIAMBIL TERHADAP SESIAPA YANG GAGAL MEMBERI PERKHIDMATAN DAN LAYANAN YANG BAIK KEPADA ORANGRAMAI.

TINDAKAN YANG SAMA JUGA AKAN DIKENAKAN TERHADAP SESIAPA YANG GAGAL MEMBERI MUTU PERKHIDMATAN BAIK, TIDAK BERDISIPLIN DAN TIDAK BERPAKAIAN KEMAS SEMASA KE PEJABAT.

MENTERI BESAR DATUK MOHD ISA DATUK ABDUL SAMAD BERKATA TINDAKAN ITU MERUPAKAN ANTARA BEBERAPA LANGKAH YANG AKAN DI AMBIL OLEH KERAJAAN BAGI MEMASTIKAN SUPAYA PRESTASI DAN PERJALANAN SETIAP JABATAN KERAJAAN DAN ANGGOTA-ANGGOTANYA TETAP TINGGI MUTUNYA.

KETIKA MELANCARKAN KEMPEN KEPIMPINAN MELALUI Tauladan Peringkat Negeri Sembilan di Stadium Perbandaran di sini beliau menegaskan setiap anggota kerajaan tidak boleh berdalih lagi sekiranya sesuatu rancangan tidak siap atau terlewat perlaksanaannya.

TEGAS BELIAU, +SETIAP ANGGOTA KERAJAAN MESTILAH MENENTUKAN SIKAP DAN SEMANGAT KUAT BERUSAHA, INGIN MAJU DAN SUKA BERLUMBA-LUMBA BAGI MENGHASILKAN MUTU PERKHIDMATAN YANG TINGGI MUTUNYA+.

--LAGI 1209/AN

TAULADAN 11 KUALA LUMPUR

DI KUALA TRENGGANU, MENTERI BESAR, DATUK SERI AMAR HAJI WAN MOKHTAR AHMAD MENGETUAI 11,000 ORANG PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN DAN BADAN BERKANUN MELAFAZKAN IKRAR DI MAJLIS PELANCARAN KEMPEN PERINGKAT NEGERI DI STADIUM SULTAN ISMAIL NASIRUDDIN SHAH DI SINI.

SEBELUM ITU, DALAM UCAPANNYA MENTERI BESAR BERKATA PELANCARAN KEMPEN ITU BUKANLAH MERUPAKAN SUATU TEMASYA BERSUKA-SUKA TETAPI MERUPAKAN SATU CABARAN KEPADA SELURUH KAKITANGAN PERKHIDMATAN AWAM.

KATANYA IANYA MERUPAKAN SATU CABARAN KEPADA MERKA UNTUK MENERAP DAN MENGAMALKAN KONSEP BERSIH, CEKAP DAN AMANH SEBAGAI LANJUNTAN KEPADA KONSEP KHIDMAT CEMERLANG YANG DIPERKENALKAN EMPAT TAHUN LALU.

BELIAU JUGA BERHARLAP SEMUA JABATAN DAN PIHAK YANG BERKE-NAAN DAPAT MEMBUAT ANALISA PENCAPAIAN BAGI MEMASTIKAN MATLAMAT KEMPEN ITU MENCAPAI OBJEKTIFNYA.

SEBELUM ITU PARA HADIRIM TELAH MENDENGAR UCAPAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KETIKA MELANCARKAN KEMPEN TERSEBUT BAGI PERINGKAT KEBANGSAAN YANG DISIARKAN SECARA LANGSUNG OLEH RTM.

KOIR MAKTAB PERGURUAN PASIR PANJANG DI SINI DI BAWAH PIMPINAN ENCIK MOHD. NOR YUSOF MENYAMPAIKAN LAGU TEMA KEPIMPINAN MELALUI Tauladan Diiringi oleh pasukan brass band sekolah menengah Sultan Sulaiman Kuala Trengganu.

--LAGI 1212/AN

TAULADAN 12 KUALA LUMPUR

DI KOTA BAHARU, MENTERI BESAR KELANTAN, DATUK HAJI MOHAMAD YAACOB MENGGESA PARA PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN SERTA BADAN-BADAN BERKANUN BEKERJA DENGAN LEBIH KUAT BAGI MEMAJUKAN LAGI NEGERI ITU.

BELIAU JUGA MENYERU KETUA-KETUA JABATAN SUPAYA MENUBUHKAN SEBUAH JAWATANKUASA KECIL DI PERINGKAT JABATAN MASING-MASING BAGI MENGAWASI TINDAK-TANDUK KAKITANGAN AGAR MEREKA BENAR-BENAR DAPAT MEMENUHI KEHENDAK 'BERSIH, CEKAP DAN AMANAH' SERTA MEMBASMI KEGIATAN-KEGIATAN YANG MENYELEWEING SEPERTI RASUAH.

BERUCAP DI UPACARA PERASMIAN PELANCARAN KEMPEN 'KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN' PERINGKAT NEGERI KELANTAN DI DEWAN PERKUMPULAN PEREMPUAN DI SINI PAGI INI, DATUK HAJI MOHAMAD BERKATA, KEINSAFAN HENDAKLAH DITANAM DI JIWA KAKITANGAN KERAJAAN BAHAWA KETIKA MEREKA HIDUP DI DALAM SERBA KESENANGAN, SEBILANGAN BESAR RAKYAT NEGERI INI HIDUP DALAM KEADAAN KEMISKINAN.

MENTERI BESAR MENGALU-ALUKAN PENUBUHAN SEBUAH JAWATANKUASA TETAP DENGAN DIKETUAI OLEH SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI BAGI MENGAWASI TINDAK-TANDUK PARA PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN DI NEGERI INI. -- LAGI 1227/AZ

ZCZC 85341

TAULADAN 13 KUALA LUMPUR

SERENTAK DENGAN ITU BELIAU MENGGESA KETUA-KETUA JABATAN SUPAYA TURUT MENUBUHKAN SEBUAH JAWATANKUASA KECIL BAGI MEMASTIKAN JAWATANKUASA TETAP TERSEBUT MENCAPAI MATLAMAT YANG PALING MAKSIMA.

MENURUTNYA, KETUA-KETUA JABATAN HENDAKLAH BERTINDAK DENGAN TEGAS DAN ADIL TERHADAP MANA-MANA KAKITANGANNYA YANG CURANG DAN MENYELEWENG.

KEMPEN YANG DILANCARKAN SERENTAK DI SELURUH NEGARA ITU DIHADIRI OLEH KIRA-KIRA 1,500 ORANG KETUA JABATAN SERTA KAKITANGAN KERAJAAN, DAN BADAN-BADAN BERKANUN.

IA PADA MULANYA DIJADUAL BERLANGSUNG DI DEWAN PERKUMPULAN PEREMPUAN DAN GELANGGANG SENI YANG BERTAMPAHAN. BAGAIMANAPUN, HUJAN LEBAT YANG TURUN DI SEKITAR BANDAR INI SEJAK TENGAHMALAM TADI MENYEBABKAN MAJLIS PELANCARANNYA DIADAKAN DI DEWAN PERKUMPULAN PEREMPUAN SAHAJA.

MAJLIS TERSEBUT TURUT DI PENUHI DENGAN NYANYIAN LAGU TEMA KEMPEN OLEH KUMPULAN KOIR MAKTAB PERGURUAN KOTA BAHARU, PEMBACAAN IKRAR DAN PALUAN REBANA UBI.

SELAIN DARI PELANCARAN DI PERINGKAT NEGERI, JAJAHAN-JAJAHAN DI SELURUH KELANTAN TURUT MENGADAKAN MAJLIS SERUPA, DIRASMIKAN OLEH TIMBALAN MENTERI BESAR HAJI ARIFFIN SAID, ANGGOTA-ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI ATAU WAKIL MENTERI BESAR. -- LAGI 1230/AZ

TAULADAN 14 KUALA LUMPUR

DI KUALA PILAH, LEBIH 1,000 ORANG KAKITANGAN KERAJAAN MELAFZKAN IKRAR DI DEWAN MAJLIS DAERAH.

ANGGOTA EXCO KERAJAAN NEGERI DR. RAMLI UJANG TELAH MENYAMPAIKAN PERUNTUSAN MENTERI BESAR, DATUK MOHD. ISA DATUK ABDUL SAMAD DALAM PERHIMPUNAN TERSEBUT.

--LAGI 1241/AN

TAULADAN 15 KUALA LUMPUR

DI MELAKA, KETUA MENTERI ENCIK ABDUL RAHIM DATUK THAMBY CHIK YANG MELANCARKAN KEMPEN ITU PERINGKAT NEGERI BERKATA BELIAU TIDAK MAHU MELIHAT PARA PEGAWAI BERLAGAK SEPERTI PEGAWAI WARISAN PENJAJAH YANG SENTIASA MAHU DIPANGGIL +TUAN+, ANGGUH DAN TIDAK BERTIMBANG RASA.

KATANYA PEGAWAI-PEGAWAI SEPERTI ITU HENDAKLAH MENGUBAH SIKAP DAN MENJALANKAN TUGAS SEJAJAR DENGAN PENTADBIRAN KERAJAAN SEKARANG.

BELIAU JUGA TIDAK MAHU KAKITANGAN KERAJAAN SENTIASA MENUNGGU ARAHAN BARU BERGERAK.

TAMBAHNYA KETUA-KETUA JABATAN HENDAKLAH BERUSAHA MENGGERAKKAN SEMUA KAKITANGAN DI BAWAH JAGAAN MEREKA UNTUK BEKERJA BERSUNGGUH-SUNGGUH BAGI MEMASTIKAN SEGALA PROJEK PEMBANGUNAN TIDAK TERGENDALA.

KETUA MENTERI TELAH MENGETUAI KAKITANGAN KERAJAAN KIRA-KIRA 5,000 MEMBACA IKRAR.

SEMENTARA ITU DISYAH ALAM, KETIKA MELANCARKAN KEMPEN ITU, MENTERI BESAR DATUK HAJI AHMAD RAZALI BERKATA BELIAU TELAH MENGARAHKAN SEMUA JABATAN KERAJAAN SUPAYA BERJIMAT-CERMAT MEMANDANGKAN KEADAAN EKONOMI YANG MELESET SEKARANG. -- LAGI 1416/PA

9
ZCZC 8567

TAULADAN 16 KUALA LUMPUR

INI TERMASUK PEMBEKUAN JAWATAN-JAWATAN BARU DAN PENGISIAN JAWATAN-JAWATAN TERTENTU DI JABATAN-JABATAN KERAJAAN.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERHARAP LANGKAH ITU TIDAK AKAN MENJEJASKAN KEUPAYAAN JENTERA-JENTERA KERAJAAN UNTUK MELAKSANAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JABATAN MASING-MASING.

UNTUK MENGATASI MASALAH ITU MENTERI BESAR MAHU KETUA-KETUA JABATAN MENYUSUN SEMULA STRUKTUR, ORGANISASI DAN SISTEM BEKERJA JABATAN MASING-MASING BAGI MENYESUAIKAN DENGAN KEADAAN KAKITANGAN YANG ADA. -- LAGI 1429/PA

ZCZC 8568

PEMBETULAN: 'R'R'R

ITEM 8565 TAJUK +MAHATHIR-KERJA+.. PARA LIMA DI BACA SEPERTI BERIKUT ... SUPAYA IKRAR YANG DIBUAT MEMPUNYAI MAKNA,+ .. (ULANGAN).. SUPAYA IKRAR YANG DIBUAT MEMPUNYAI MAKNA,+.

-- BERNAMA 1425/PA

ZCZC 8569

TAULADAN 17 KUALA LUMPUR

DIPULAU PINANG, LEBIH DARI 10,000 ORANG PEMIMPIN DAN KAKITANGAN KERAJAAN DARI 120 BUAH JABATAN KERAJAAN NEGERI DAN PERSEKUTUAN MENYERTA PERKHHIMPUNAN PELANCARAN KEMPEN +KEPIMPINAN MELALUI Tauladan+ DI PADANG KOTA LAMA.

BERUCAP DI MAJLIS ITU, KETUA MENTERI, DR. LIM CHONG EU, BERHARAP SEMUA KAKITANGAN KERAJAAN DARI SEGENAP LAPISAN AKAN MEMPERTINGKATKAN PRESTASI MASING-MASING DAN MEMENUHI KEPERCAYAAN YANG DIBERI OLEH RAKYAT KEPADA MEREKA.

PEMIMPIN YANG BERSEMANGAT, BERTANGGUNGJAWAB DAN BERMARUAH TINGGI AKAN DAPAT MENJAMIN MUTU DAN PRESTASI PENTADBIRAN NEGERI DAN RAKYAT MASA DEPAN, TEGASNYA.

+PEMIMPIN-PEMIMPIN DAN KAKITANGAN SEKTOR AWAM BERTANGGUNGJAWAB MENGEMBLENGKAN SELURUH TENAGA DAN MENJADI CONTOH KEPADA GOLONGAN MASYARAKAT YANG LAIN BAGI MEMBANGUNKAN NEGERI INI, TAMBAH DR. LIM.

KETUA MENTERI JUGA MENYERU SEMUA GOLONGAN PEMIMPIN SERTA MASYARAKAT SECARA KESELURUHANNYA SUPAYA MENKAKSI SEMUA SISTEM PENTADBIRAN DI DALAM SEMUA ASPEK BAIK YANG MERANGKUMI ASPEK KEHIDUPAN HARIAN ATAU KERJA YANG DIAMALKAN SEKARANG INI UNTUK TERUS MENEGAKKAN SEBUAH PENTADBIRAN YANG BERSIH, CEKAP DAN AMANAH.

-- LAGI 1441/PA

TAULADAN 18 KUALA LUMPUR

DI KUCING KIRA-KIRA 3,000 ORANG KAKITANGAN AWAM DARI BEBERAPA BUAH JABATAN KERAJAAN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PELANCARAN ITU DI PADANG PERBANDARAN DI SINI PAGI INI.

ACARA PUNCAK DALAM MAJLIS DUA JAM ITU IALAH PEMBACAAN IKRAR DIKE-TUAI OLEH KETUA MENTERI, DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD.

KOIR SETIA YANG PARA TERDIRI DARI KAKITANGAN BEBERAPA JABATAN KERAJAAN TELAH MENYANYIKAN LAGU 'KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN', LATU 'BERKHIDMAT BERBAKTI' DAN LAGU KEBANGSAAN.

PERARAKAN PERTANDINGAN 'POSTER' BERDASARKAN TEMA KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN JUGA DIADAKAN.

DALAM UCAPANNYA DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MENYERU PARA KAKITANGAN KERAJAAN SUPAYA MEMPERTINGKATKAN LAGI DAYA USAHA MEREKA SELARAS DENGAN KONSEP +KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN.+

BELIAU BERKATA WALAUPUN KEMAJUAN NEGARA YANG DICAPAI SELEPAS KEMERDEKAAN BOLEH DIBANGGAKAN, RAKYAT TIDAK HARUS BERPUAS HATI ATAS KEJAYAAN ITU BAHKAN MESTI BERIKRAR UNTUK TERUS MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG LEBIH CEMERLANG.

+GOLONGAN ANGGOTA-ANGGOTA KERAJAAN, SEBAGAI JENTERA KERAJAAN HARUSLAH BERPEGANG TEGUH KEPADA PRINSIP BERSIH, CEKAP DAN AMANAH UNTUK MENCAPAI TUJUAN INI,+ KATANYA. -- LAGI 1454/PA

TAULADAN 19 KUALA LUMPUR

DI IPOH, MENTERI BESAR, ENCIK RAMLI NGAH TALIB HARI INI MENYERU SEMUA KAKITANGAN KERAJAAN DI NEGERI ITU SUPAYA JANGAN MENURUTKAN HAWA HAFSU AGAR TIDAK MENYELEWENG DARI KEADILAN DALAM KEPIMPINAN MEREKA.

BERUCAP DI UPACARA PELANCARAN KEMPEN ITU PERINGKAT NEGERI PERAK DI STADIUM INDERA MULIA DI SINI, ENCIK RAMLI BERKATA AL-QURAN SENDIRI ADA MENEGASKAN CIRI-CIRI KEPIMPINAN YANG MULIA UMPAMANYA DENGAN MENCONTOHI RASULULLAH S.A.W. DENGAN BERIMAN, BERAMANAH DAN BERAKHLAK MULIA.

BELIAU BERKATA SEMUA LAPIAN PEMIMPIN HENDAKLAH SEDAR BAHAWA PERANAN MEREKA AKAN MENENTUKAN BURUK BAIKNYA SESUATU TINDAKAN ITU ATAU GAGAL JAYANYA SESUATU MATLAMAT KERAJAAN.

ENCIK RAMLI YAKIN BAHAWA DENGAN TERSEMATNYA PRINSIP-PRINSIP DAN FAKTOR-FAKTOR KEPIMPINAN YANG BAIK DI HATI PEGAWAI-PEGAWAI, SEGALA PERBUATAN YANG MENDATANGKAN MUDARAT SEPERTI PENYELEWENGAN, PENYALAH-GUNAAN KUASA, RASUAH, PILIH KABIH DAN SEBAGAINYA DAPAT DIBENDUNG ATAU DI SEKAT.

LEBIH KURANG 3,500 ORANG PEGAWAI YANG MEWAKILI BERBAGAI-BAGAI JABATAN KERAJAAN DAN BADAN-BADAN BERKANUN MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM UPACARA ITU.

ANTARA ACARA YANG DIADAKAN IALAH PEMBACAAN IKRAR KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN YANG DIKETUAI OLEH ENCIK RAMLI SENDIRI DAN NYAYIAN LAGU TEMA KEMPEN OLEH KOIS MAKTAB PERGURUAN KINTA. -- BERNAMA 1624/PA

TAULADAN 20 KUALA LUMPUR (SAMBUNGAN BERITA B608)

DI PERLIS, MENTERI BESAR, ENCIK ALI HAJI AHMAD, MENSIFATKAN KAKITANGAN KERAJAAN YANG TAKUT DENGAN PERUBAHAN YANG DIBAWA OLEH KERAJAAN PIMPINAN DR. MAHATHIR SEBAGAI ORANG YANG TIDAK IKHLAS DALAM KERJA MEREKA.

BERUCAP MELANCARKAN KEMPEN KEPIMPINAN MELALUI TAULADAN PERINGKAT NEGERI INI DI TAPIAN GELANGGANG DI KANGAR, BELIAU BERKATA MEREKA TIDAK PERLU TAKUT JIKA SEGALA URUSAN PEKERJAAN MEREKA TELAH DILAKUKAN SECARA IKHLAS DAN BERTANGGUNGJAWAB.

MENURUT ENCIK ALI, SEMUA PERUBAHAN INI HENDAKLAH DIANGGAP SEBAGAI SATU CABARAN YANG MESTI DIPIKUL DAN DISEMPURNA DENGAN SEBAIK-BAIKNYA.

BELIAU MENYERU SEMUA KAKITANGAN KERAJAAN TERUTAMA DI NEGERI INI SUPAYA MENUNJUKKAN SIKAP POSITIF DALAM MENJALANKAN KERJA HARIAN MEREKA.

BELIAU KEMUDIAN MENDAHULUI KIRA-KIRA 200 ORANG KETUA DAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN MELAFAZKAN IKRAR. -- BERNAMA 2010/LK